

**DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA DI SUNGAI PETANI**

**DALAM NEGERI KEDAH**

**TUNTUTAN NO: TTPM-K-(P)-165-2024**

TARIKH BICARA : 30/09/2024 [ISNIN]  
TARIKH KEPUTUSAN : 30/10/2024 [RABU]  
PRESIDEN : TUAN SAIFUL AMBAR BIN ABDULLAH AMBAR  
PEGAWAI TRIBUNAL : PUAN FARAHIYAH BINTI MOHD YUSOFF

PIHAK YANG MENUNTUT [PYM] : MOHD NORHAFIZOL BIN MOHD NOR  
K/P :

SAKSI PYM : NUR HIDAYAH BINTI DAUD [ ]  
ISTERI PYM.

PIHAK PENENTANG [PP] : HUSNIDA BINTI MD SAAD  
K/P :

**ALASAN KEPUTUSAN**

**LATAR BELAKANG TUNTUTAN**

Tuntutan ini telah difailkan oleh PYM terhadap PP yang mengendalikan Tadika Cinta Ilmuwan, Cawangan Gurun, Kedah (selepas ini dirujuk sebagai 'tadika tersebut') berkenaan tuntutan bayaran baki kepada bayaran yuran pendaftaran anak PYM yang telah dibayar oleh PYM kepada PP sejumlah RM600 pada 5/2/2024 atas alasan PYM

mendapat maklumat daripada Pengerusi Tadika Cinta Ilmuwan bahawa Tadika Cinta Ilmuwan, Cawangan Gurun, Kedah yang dikendalikan oleh PP akan ditutup.

Tuntutan PYM adalah bagi jumlah RM 400-00 bagi baki bayaran yuran pendaftaran sebagaimana yang dinyatakan dalam BORANG 1 PYM.

PP telah memfailkan BORANG 2 beserta tuntutan balas dan telah disusuli oleh BORANG 3 oleh PYM.

Dengan tidak meremehkan jumlah bernilai RM400-00, pihak tribunal cuba untuk membantu pihak-pihak mencapai persetujuan untuk penyelesaian namun gagal. Maka perbicaraan diteruskan.

Tuntutan PYM adalah atas alasan untuk membatalkan pendaftaran anak PYM di Tadika Cinta Ilmuwan tersebut dan memohon pembayaran semula (refund) atas alasan menerima maklumat daripada Pengerusi Tadika Cinta Ilmuwan bahawa Cawangan Gurun akan ditutup.

Pembelaan PP menyatakan bahawa tadika tersebut tidak ditutup cuma bertukar nama dan premis sahaja serta pembatalan pendaftaran anak PYM adalah tidak tertakluk kepada pembayaran semula.

### **ISU**

Samada PYM berhak kepada baki yuran pendaftaran anak PYM bagi pendaftaran ke Tadika Cinta Ilmuwan, Cawangan Gurun setelah dibatalkan sendiri oleh PYM?

## **FAKTA RINGKAS TUNTUTAN**

Setelah mendengar keterangan kedua-dua pihak iaitu PYM, saksi PYM dan PP, tribunal mendapati satu isu yang perlu diputuskan iaitu samada PYM berhak untuk menuntut sejumlah RM400-00 bagi baki yuran pendaftaran anak PYM di tadika tersebut.

PYM di dalam BORANG 1 telah menyatakan bahawa telah membuat pembayaran pendaftaran tadika anak PYM di tadika tersebut pada 5/2/2024 dengan bayaran sejumlah RM600-00 bagi pembelajaran sesi 2024.

PYM kemudiannya telah dimaklumkan oleh Pengerusi Tadika tersebut pada 2/3/2024 bahawa tadika tersebut akan ditutup. Namun PYM gagal membuktikan pernyataan tersebut semasa perbicaraan.

PP memberikan keterangan bahawa Pengerusi tadika tersebut adalah sepupu PP dan pernyataan yang sebenar adalah bukan ditutup tetapi sebaliknya akan berlaku pertukaran pengurusan, pertukaran nama tadika tersebut kepada nama Tadika Ilmuwan Huffaz. Namun perkara yang sama, keterangan ini tidak dibuktikan oleh PP atas sebab Pengerusi tersebut tidak dipanggil memberikan keterangan baik oleh PYM mahupun PP.

PP menyatakan bahawa maklumat penukaran tersebut telah dimaklum lebih awal pada bulan Oktober 2022 namun keterangan yang didapati oleh tribunal adalah bahawa PYM dan keluarga hanya berpindah ke Gurun, Kedah pada bulan Februari 2023 dan maklumat ini tiada dalam pengetahuan PYM.

Saksi PYM iaitu isteri PYM telah memberikan keterangan bahawa beliau yang telah membayar sejumlah RM600-00 kepada PP melalui transaksi akaun yang merupakan pecahan RM550 (yuran pendaftaran) dan RM50 (baju) dan diakui terima secara fakta semasa perbicaraan oleh PP.

Saksi PYM menyatakan bahawa setelah dimaklumkan tadika tersebut akan ditutup, beliau meminta 'refund' daripada PP.

PP telah memulangkan sejumlah RM200 kepada PYM pada 22/4/2024 dan baki RM400 akan diselesaikan oleh PP dalam masa terdekat. Ianya diakui oleh PP ketika perbicaraan semasa disoal oleh tribunal.

Saksi PYM menyatakan boleh sahaja menerima bayaran RM400 secara ansuran sebanyak RM100 sebulan sehingga selesai daripada PP sekiranya PP ada masalah kekangan kewangan untuk membayar.

PP mengakui bahawa tadika tersebut akan berlaku perubahan nama dan akan berpindah premis serta ketika disoal tribunal, PP mengakui bahawa ada juga waris pelajar-pelajar lain yang menuntut 'refund' daripada PP setelah yuran pendaftaran dibayar namun bertindak untuk membatalkan pendaftaran. Salah satu pelajar yang telah PP 'refund' secara penuh RM600 adalah pelajar bernama Amar.

PP memberikan keterangan bahawa PP bertindak untuk membatalkan hasrat dan pengakuan PP untuk membayar baki RM400 kepada PYM oleh sebab merujuk kepada senarai pendaftaran pelajar yang mana menyatakan bahawa 'booking fees RM300 is non-refundable but deductible after full payment'.

[Senarai Pendaftaran Pelajar yang telah dimaklumkan oleh PP kepada isteri PYM pada 9/01/2024 dirujuk]

PP juga memfailkan tuntutan balas atas fitnah yang mencemarkan nama baik PP yang dikatakan telah dikeluarkan oleh PYM kepada PP namun atas asbab ianya diluar batasan bidang kuasa tribunal maka tuntutan balas tersebut tidak dapat dipertimbangkan oleh tribunal dengan merujuk kepada Seksyen 99 (1) (c)(ii) Akta Perlindungan Pengguna 1999.

***“PEMBATASAN BIDANG KUASA***

***99. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata di bawah***

***Akta ini, Tribunal tidaklah mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa tuntutan -***

***...***

***...***

***(c) yang mengandungi pertikaian mengenai -***

***(ii) nama baik;”***

PP seterusnya memberikan keterangan bahawa jikalau pun PP perlu memulangkan semula duit baki yuran pendaftaran tersebut, jumlah yang perlu dipulangkan adalah RM100 mengambil kira RM200 telah dipulangkan kepada PYM sebelum ini.


Persoalan yang timbul ketika ini adalah adakah pembayaran RM600 oleh PYM tersebut adalah pembayaran penuh yuran pendaftaran atau hanya ‘booking fess’ sebagaimana dakwaan PP? Tribunal sukar untuk menerima ianya adalah ‘booking fees’ oleh kerana dengan jelas senarai pendaftaran pelajar yang dikemukakan PP menyatakan nilai ‘booking fees’ adalah RM300 manakala jumlah yuran pendaftaran adalah RM550. PYM telah membayar sejumlah penuh RM550 bagi yuran pendaftaran dan RM50 bagi bayaran baju.

**KEPUTUSAN**

Setelah meneliti keseluruhan BORANG 1, BORANG 2, BORANG 3, keterangan-keterangan PYM, saksi PYM, PP serta dokumen-dokumen yang telah dikemukakan oleh kedua-dua pihak dan secara penilaian maksimum serta atasimbangan kebarangkalian, tribunal mendapati PYM telah berjaya membuktikan tuntutan terhadap PP maka tribunal dengan ini membenarkan tuntutan PYM. PP hendaklah membayar PYM sejumlah RM400-00 14 hari dari tarikh terima Award.

Award seperti dalam BORANG 10.

**BERTARIKH PADA 30/10/2024**

A square box containing a handwritten signature in black ink. The signature is stylized and appears to be 'Saiful Ambar Abdullah Ambar'.

---

SAIFUL AMBAR ABDULLAH AMBAR  
Presiden  
Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia  
Sungai Petani/Kedah.